

# Zaqy: Berani inovasi, usah takut gagal tetapi jangan gadai nilai

► **NUR ADILAH MAHBOB**  
adilaham@sph.com.sg

BELIA harus berani untuk berinovasi bagi menerajui perubahan dan tidak takut untuk gagal dalam dunia yang pesat berubah.

Pada masa yang sama, mereka harus berbuat demikian tanpa menggadai nilai, moral dan etika mereka.

Itulah pesanan Menteri Negara (Tenaga Manusia merangkap Pembangunan Negara), Encik Zaqy Mohamad, semasa berucap di majlis konvokasi Universiti Teknologi Nanyang kelmarin.

“Sedang inovasi membolehkan anda untuk menjadi kreatif, ini tidak harus menjejaskan nilai, moral dan etika anda.

“Memang mudah untuk menggunakan daya kreatif anda untuk mencari jalan keluar dalam proses, sistem dan undang-undang. Tetapi ingatlah, sedang anda melalui perjalanan kreativiti anda, gunalah etika dan nilai anda sebagai panduan dalam laluan anda,” ujar Encik Zaqy.

Beliau memberi contoh Krisis Kewangan Global pada 2008 yang berpunca daripada individu yang menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menipu sistem bagi kepentingan mereka sendiri.

Malah, hab kewangan Singapura mampu menarik firma global kerana tadbir urus, rakyat, sistem serta institusinya boleh dipercayai.

“Jika kita kehilangannya, kita akan kehilangan daya saing teras dan kelebihan kita,” ujarnya.

Encik Zaqy lulus daripada NTU dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik) pada 1999, dan ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Kewangan pada 2003, yang ditawarkan bersama oleh Sekolah Perniagaan Nanyang dan Universiti Carnegie Mellon di Amerika Syarikat.

Dalam ucapannya, Encik Zaqy mengulas



tentang cara mengharungi Industri 4.0 yang pesat berubah.

“Disebabkan kepesatan perubahan itu dan kesannya kepada kita semua, anda akan dapati bahawa cabaran terbesar dalam kerjaya anda adalah mengenai cara mengurus orang dan cara mengatasi perubahan ini,” ujarnya kepada graduan Sekolah Perniagaan

Nanyang.

Bagi mereka yang akan menceburi bidang pengurusan, perundingan atau penguasaan sumber, antara cabaran terbesar adalah cara mengatasi teknologi menjejaskan pekerjaan dan cara mengurus dan membuat peralihan itu.

“Dalam tahun-tahun akan datang, ramai

di antara anda akan bekerjasama dengan robot atau ‘cobot’ (rakan kerja robot) dalam tugas anda, dan tidak mengendali mereka sahaja.

“Keupayaan anda untuk mengharungi norma baru dan norma lebih baru akan menentukan sejauh mana anda maju dan membangun dalam pekerjaan masing-masing,”

ujarnya.

Dalam menempuhi perubahan ini, Encik Zaqy menggesa graduan untuk memahami peluang dan cabaran dalam industri masing-masing serta bijak mengenal pasti dan menilai trend.

Bagi lulusan muda, ini bermakna mereka perlu membina rangkaian dengan individu lebih mapan dan berpengalaman dalam industri itu, katanya.

## Biodata

Nama: Zaqy Mohamad

Umur: 43 tahun

Kelulusan:

Sarjana muda dalam Elektrik dan Elektronik, & Sarjana dalam Sains (Kejuruteraan Kewangan) dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Beliau pernah menjadi Presiden Kesatuan Pelajar NTU selama dua penggal semasa menuntut di NTU.

Anggota Parlimen: 2006 hingga sekarang (GRC Chua Chu Kang)

Kerjaya:

2014 - 2018 Rakan kongsi firma Ernst & Young

Dilantik menjadi Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Tenaga Manusia) pada 1 Mei 2018

**CABARAN TERBESAR:** Menurut Encik Zaqy cabaran terbesar yang akan dihadapi ramai pekerja dalam kerjaya mereka adalah cara mengurus orang dan cara mengatasi perubahan. – Foto NTU